

Abdullah mahu seni mohor dihidup semula

Wadah perkenal budaya Melayu, angkat martabat tulisan jawi

Oleh Wan Jailani Razak

SHAH ALAM: Membudayakan seni mohor dalam kehidupan seharian menggambarkan ketinggian ilmu dan kemuliaan budi sesuatu bangsa, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengalu-alukan usaha mengembalikan seni mohor menerusi penubuhan Arkib Seni Mohor Negara sebagai wadah jati diri rumpun Melayu Islam.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Restu atas inisiatif itu, beliau berharap ia bukan saja menjadi lambang kemegahan rakyat Selangor, bahkan penduduk Malaysia keseluruhannya.

"Penggunaan cop mohor dalam urusan dokumen perjanjian atau persuratan wajar dihidupkan semula. Ini adalah satu budaya dan supaya orang kenal.

"Malah, seni cop mohor turut menjadi elemen penting dalam budaya

Melayu terutama bagi memartabatkan tulisan Jawi," katanya ketika melancarkan penubuhan Arkib Seni Mohor Negara di Kompleks Taman Seni Islam Selangor, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk

Penggunaan cop mohor dalam urusan dokumen perjanjian atau persuratan wajar dihidupkan semula. Ini adalah satu budaya dan supaya orang kenal"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latif Mirasa.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengesahkan memorandum persefahaman di antara Yayasan Restu dan Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) dengan menggunakan cop mohor.

Mengikut sejarah, seni mohor diperkenalkan ke alam Melayu oleh Kerajaan China sejak zaman kegemilangan Melaka.

Abdullah seterusnya mengajak umat Islam mengenang kembali cabaran yang dihadapi Nabi Muhammad, terutama tentangan daripada puak Jahiliyah ketika hendak menyebarkan syiar Islam.

Kerana itu, katanya, umat Islam diwajibkan menuntut ilmu untuk menjadi insan yang berjaya dan itulah falsafah di sebalik usaha kerajaan menerusi pembangunan modal insan.

Terdahulu, Abdul Latiff berkata, Yayasan Restu memperkenalkan pelbagai inovasi dan kreativiti dalam

bidang seni mohor berdasarkan pengalaman di bidang seni mushaf yang bertunjangkan khat dan ragam hias Melayu.

Justeru, katanya fungsi arkib itu dijangka dapat melahirkan budaya peradaban bangsa yang tinggi pada masa depan.

Beliau juga mengumumkan kejayaan Yayasan Restu melebarkan usaha dakwah dan kepakarannya dengan membantu menghasilkan al-Quran dalam terjemahan Hausa bagi penduduk di utara Nigeria yang hampir 95 peratus beragama Islam.

Pada majlis sama, Yayasan Restu melantik Pos Malaysia untuk pengedaran al-Quran terbitan Yayasan Restu ke seluruh negara.

Sempena Nuzul Quran, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada anak yatim manakala Puncak Niaga Holdings Bhd memberi sumbangan al-Quran Mushaf Malaysia di samping wang tunai kepada lebih 11 masjid dan enam rumah anak yatim.